

Bongkar komplot monopoli tender

## SPRM terima banyak aduan: Latheefa



Latheefa beramah mesra dengan peserta Program Gohek Beskal & Khabak Merdeka 2019 di Bukit Besar, Kuala Terengganu, semalam. [Foto Rozainah Zakaria/BH]

**Kuala Terengganu:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengakui menerima banyak aduan berkaitan penipuan dan monopoli membabitkan tender serta perolehan kerajaan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya, berkata ia tidak boleh didedahkan kerana dibimbangi mengganggu siasatan.

"Mesti ada laporan. Banyak kes berbentuk perolehan dan tender tetapi kita tidak boleh maklumkan sehingga dapat melakukan tindakan terbabit.

"Sekiranya dimaklumkan, dibimbangi orang yang kita sasar akan lari. Oleh itu kita tidak

boleh berkongsi maklumat terbabit," katanya kepada pemberita pada Program Gohek Beskal & Khabak Merdeka 2019 di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah SPRM Terengganu, Mohd Zaki Hassan.

BH semalam mendedahkan, sekurang-kurangnya 10 projek kerajaan bernilai jutaan ringgit kini disiasat Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) kerana kontraktor memenangi tender itu disyaki berkomplot dalam proses bidaan.

Siasatan itu dibuat susulan aduan dan maklumat diterima MyCC

mengenai taktik kontraktor dan pembekal yang membentuk komplot dalam pakatan untuk membuatkan sesuatu nilai kontrak itu menjadi tinggi.

Terdahulu, Latheefa melepaskan kan 150 peserta membabitkan anak muda dalam program ka-yuhan dan mendaki bukit sebagai hagian daripada program menolak rasuah dan sempena bulan kemerdekaan.

Malah, Latheefa turut mengambil bahagian mendaki Bukit Besar setinggi 156 meter dan memaccakkan papan tanda pencegahan rasuah di puncak bukit terbabit.